

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[ POKOK SENNA ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) adakah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 akan dipinda jika usul pindaan Akta 355 Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 diluluskan dan pindaannya dibuat; dan
- (b) apakah pindaan yang akan dibuat kepada Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan, pemerkasaan undang-undang Syariah merupakan salah satu matlamat yang diberikan keutamaan oleh Kerajaan. Antara mekanisma yang sedang dalam tindakan aktif Kerajaan bagi memperkasakan undang-undang Syariah ialah mengkaji keperluan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 untuk meningkatkan bidang kuasa hukuman Mahkamah Syariah.

Pada masa ini, had bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah terhad kepada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut berdasarkan seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Oleh yang demikian, apabila bidang kuasa Mahkamah Syariah ditingkatkan, maka pindaan kepada Akta 355 ialah perlunya pindaan berbangkit (*consequential amendment*) kepada had

hukuman yang terdapat di bawah Akta /Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri.

- (b) Berhubung dengan pindaan yang akan dibuat kepada Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, jika pindaan kepada Akta 355 ini diluluskan oleh Parlimen, Kerajaan akan menjalankan kajian secara terperinci dengan meneliti peruntukan-peruntukan yang sedia ada bagi memastikan bahawa kajian terhadap undang-undang kesalahan jenayah Syariah tersebut dapat memenuhi kehendak pindaan kepada Akta 355 dan prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam penghukuman. Dalam masa yang sama, Kerajaan akan memastikan bahawa undang-undang kesalahan jenayah Syariah yang akan dilaksanakan teratur dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA**  
**TARIKH : 17.10.2016**  
**SOALAN : NO. 55**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meneruskan kembali diskaun bagi bayaran balik PTPTN terhadap pembayaran penuh atau rebat kepada peminjam PTPTN.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa prihatin dan peka terhadap permintaan peminjam untuk meringankan beban bayaran balik pinjaman. Berkenaan dengan cadangan pemberian semula diskaun atau rebat, Kementerian masih meneliti akan cadangan tersebut. Buat masa ini, tumpuan diberikan terhadap kempen kesedaran bagi rundingan semula bayaran balik pinjaman. Pelbagai tindakan telah dilaksanakan, antaranya seperti berikut:

- i. Mengadakan taklimat bayaran balik di IPT khusus kepada pelajar tahun akhir
- ii. Menyertai pameran atau program taklimat dengan membuka kaunter penerangan bayaran balik.
- iii. Menyediakan pelbagai saluran dan kemudahan bayaran balik pinjaman melalui kaunter dan perbankan internet.
- iv. Menubuhkan 74 cawangan pejabat PTPTN di seluruh negeri bagi memudahkan rundingan dan bayaran balik pinjaman.
- v. Memperkenalkan program Sahabat bagi mewujudkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta bagi meningkatkan kesedaran kepada kakitangan mereka tentang kepentingan bayaran balik pinjaman PTPTN dan kebaikan membuat bayaran balik melalui potongan gaji.

- vi. Melaksanakan penstrukturan semula pinjaman mengikut kemampuan bayaran balik sehingga umur 60 tahun.
- vii. Mengeluarkan notis tuntutan kepada semua peminjam yang telah tamat tempoh pinjaman dan akan memulakan bayaran balik.
- viii. Mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam yang ingkar membuat bayaran balik atau memberikan maklumbalas.
- ix. Mengeluarkan surat tuntutan tunggakan bayaran kepada peminjam yang tidak membuat bayaran mengikut jadual bayaran balik.
- x. Mengambil tindakan undang-undang kepada peminjam ingkar yang masih gagal memberi maklumbalas atau bayaran balik walaupun telah dikenakan peringatan terakhir.
- xi. Menyenaraikan peminjam tegar ke dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (*Central Credit Reference Information System* - CCRIS) mulai 16 Jun 2015 dan penyenaian semua peminjam selepas 6 bulan tamat pengajian mulai 7 Mac 2016.
- xii. Kerjasama dengan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) bagi membantu peminjam PTPTN agar dapat membuat bayaran balik mulai 15 Februari 2016.